

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN PILIHAN RAYA PARLIMEN DI SABAH PADA 20 DAN 21 OKT INI DAPAT DITERUSKAN DALAM KEADAAN AMAN WALAUPUN PARTI BERSATU SABAH (PBS) TELAH MENARIK DIRI DARIPADA BARISAN NASIONAL (BN).

PERDANA MENTERI BERKATA, PASUKAN KESELAMATAN BERSIAP SEDIA, DAN TIDAK PERLU KHUATIR DENGAN KEADAAN KESELAMATAN DI SANA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA TINDAKAN PBS KELUAR DARIPADA BN ITU MENJEJASKAN KESELAMATAN, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU TIDAK TIMBUL DAN PILIHAN RAYA AKAN DITERUSKAN.

+NO WAY PILIHAN RAYA DI SABAH AKAN DITANGGUHKAN. KITA TIDAK AKAN TANGGUHKAN. KITA AKAN JAGA KESELAMATAN DAN PILIHAN RAYA BOLEH DIADAKAN, INSYAALLAH,+ KATANYA KETIKA MENGULAS MENGENAI PERMINTAAN PRESIDEN USNO, TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN SUPAYA PILIHAN RAYA PARLIMEN DI SABAH DITANGGUHKAN.

MENGULAS MENGENAI SENTIMEN ANTI PERSEKUTUAN DI KALANGAN RAKYAT SABAH, BELIAU BERKATA RAKYAT SABAH SEBENARNYA TIDAK ANTI PERSEKUTUAN. -- LAGI  
0043MST 17 10 90

D485

U B555 AAB  
MAHATHIR - KESELAMATAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEBENARNYA PARA PEMIMPIN PBS, TERMASUK DATUK DR JEFFREY KITINGAN (PENGARAH YAYASAN SABAH) YANG SEBENARNYA MEMBAKAR HATI ORANG SABAH SEHINGGA MEREKA (RAKYAT SABAH) ANGGAP DIA SEBAGAI SEORANG +PEJUANG+ (MARTYR).

APABILA DIA (JEFFREY KITINGAN) DIKENAKAN TINDAKAN KERANA TIDAK MEMBAYAR CUKAI PENDAPATAN, DIA MENDAKWA DIRINYA DIANIAYA, KATA PERDANA MENTERI, SAMBIL MEMPERSOALKAN BAGAIMANA DAKWAAN ITU BOLEH TIMBUL SEDANGKAN ORANG LAIN TIDAK LEPAS DARIPADA MEMBAYAR CUKAI PENDAPATAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENGULAS MENGENAI UCAPAN PRESIDEN PBS, DATUK PAIRIN KITINGAN KETIKA MENGUMUMKAN PENARIKAN KELUAR PARTI ITU DARIPADA BN SEMALAM.

KATANYA, JELAS BAHAWA KEPUTUSAN PBS ITU BERDASARKAN KEPERCAYAAN MEREKA KONONNYA ORANG MELAYU DI SEMENANJUNG TELAH BERPECAH DUA, IAITU SEPARUH MENYOKONG UMNO DAN SEPARUH LAGI MENYOKONG PARTI SEMANGAT 46.

BELIAU BERKATA, PBS JUGA MENGANGGAP PIMPINAN SEMANGAT 46 YANG KONONNYA MEMPUNYAI ANGGOTA SERAMAI 900,000 ORANG LEBIH DIPERCAYAI DARIPADA UMNO. -- LAGI

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU TELAH MENGAJAI UCAPAN DATUK PAIRIN ITU DAN MENDAPATI PBS BERSETUJU DENGAN MANIFESTO PARTI SEMANGAT 46, YANG DIKATAKAN SENADA DENGAN MANIFESTO PBS.

+OLEH KERANA MANIFESTO PARTI SEMANGAT 46 MELAYANI SEGALA PERMINTAAN PBS, MAKA PARTI ITU (PBS) MEMBUAT KEPUTUSAN MENYOKONG PARTI SEMANGAT 46,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, KEPUTUSAN ITU JUGA DIPERCAYAI DIDORONG OLEH KENYATAAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH SEBELUM INI IAITU SABAH DAN SARAWAK BOLEH MENJADI +KING MAKERS+.

PERDANA MENTERI BERKATA, PBS PERCAYA PARTI-PARTI DI SARAWAK JUGA AKAN MENYOKONG PENDIRIANNYA DALAM HAL ITU, MALANGNYA SEMUA PARTI DI SARAWAK TERMASUK PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS) MENYATAKAN AKAN KEKAL DALAM BN. -- BERNAMA